

KHUTBAH JUMAAT

"MENJAGA KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

(1 Mac 2024M/ 20 Syaaban 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Marilah kita menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang boleh menghilangkan ganjaran pahala Jumaat. Usah bercakap-cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya. Marilah

kita menghayati khutbah yang bertajuk: “**Menjaga Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam berkembang ke seluruh pelusuk dunia hasil usaha dakwah yang tekun dan gigih oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabat *radiallahu anhum* serta para pendakwah yang bertebaran ke serata dunia.

Pengembangan Islam juga berlaku dengan pelbagai cara dan salah satunya adalah melalui ketenteraan atau peperangan demi mempertahankan negara. Hal ini bukan bermaksud bahawa Islam agama yang mengamalkan kekerasan atau peperangan tetapi ia menunjukkan kesyumulan Islam dalam segenap aspek pengurusan dan pentadbiran termasuk ketenteraan.

Pembinaan dan pembangunan institusi ketenteraan dalam Islam bertujuan memenuhi keperluan bagi mempertahankan diri serta memperkukuh keselamatan umat dan negara daripada diganggu gugat, diceroboh atau ditindas. Ia juga selaras dengan perintah Allah *subhanahu wata'ala* yang memerintahkan persediaan menghadapi musuh sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Anfal, ayat 60:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ۚ عَدُوَّ اللَّهِ
وَعَدُوَّكُمْ وَعَآخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُوهُمْ ۗ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ
شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ (٦٠)

Maksudnya : *Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tanggungjawab menjaga keamanan dan kedaulatan tanah air memerlukan komitmen semua lapisan masyarakat. Berkaitan dengan hal ini, seorang panglima perang yang masyhur dengan panggilan 'Pedang Allah', iaitu Saidina Khalid bin al-Walid *radiallahu anhu*, seorang panglima perang yang tidak pernah kalah dalam setiap medan pertempuran yang dipimpinya pernah menegaskan bahawa :

"Janganlah berkata bahawa betapa sedikitnya pasukan romawi dan betapa ramainya pasukan kita kerana kekuatan kita tidak terletak pada berapa ramai manusia akan tetapi kekuatan kita terletak atas bantuan Allah."

Ini menunjukkan bahawa Saidina Khalid bin al-Walid *radiallahu anhu*, bukan hanya terkenal sebagai pemimpin yang amat menitikberatkan persediaan persenjataan dan strategi pengetahuan ilmu peperangan, bahkan juga meletakkan keyakinan yang sangat tinggi

terhadap bantuan dan pemeliharaan daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

Khalifah Umar bin al-Khattab *radiallahu anhu* juga pernah menulis surat kepada panglima perangnya iaitu Saidina Sa'ad bin Abi Waqqas *radiallahu anhu* yang memimpin tentera Islam dalam Perang al-Qadisiyyah dengan katanya:

"Wahai Sa'ad. Aku tidak takut dengan jumlah dan kekuatan tentera musuh, tetapi apa yang aku bimbang dan risau adalah tentera tentera Islam leka dan tidak melaksanakan perintah-perintah Allah subhanahu wata'ala sehingga menyebabkan Allah subhanahu wata'ala tidak menurunkan bantuan kepada mereka."

Ini bermakna, kita sebagai umat Islam di Malaysia tidak dapat lari daripada menjadi insan yang perlu meletakkan Islam di hadapan sebagai garis panduan serta memperkasakan diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman. Kita perlu mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*, melaksanakan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya dalam rangka membentuk jati diri muslim yang kukuh dan mantap lebih-lebih lagi bagi mereka yang bertanggungjawab sebagai petugas keselamatan dan ketenteraman negara.

Pada masa yang sama, menjaga kedaulatan negara adalah suruhan Allah *subhanahu wata'ala* dan Nabi-Nya *sallallahu alaihi wasallam*. Ia juga memenuhi pra syarat *maqasid syariah* iaitu tanpa kedaulatan dan kemakmuran maka *maqasid syariah* turut terancam.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Pada hari ini, 1 Mac 2024, Tentera Darat Malaysia telah mencapai usia 91 tahun. Pastinya, ia bukanlah satu tempoh yang mudah dalam melahirkan pahlawan dan pejuang yang menjadi barisan hadapan negara demi memastikan kedaulatan terpelihara.

Berdiri teguhnya Tentera Darat hingga ke saat ini merupakan manifestasi perjuangan para pejuang terdahulu dan terus diwarisi hingga ke saat ini. Mereka berjuang dengan begitu gigih bagi memastikan negara tercinta ini terus aman. Merekalah pejuang dan pahlawan yang tegap memberanikan diri, melangkah mempertaruhkan jasad, bersiap siaga untuk mati demi mempertahankan kedaulatan pertiwi. Mereka berjuang bukan kerana harta. Mereka berjuang bukan kerana ingin dipuja. Mereka adalah insan yang jasanya sangat berharga. Mereka mengorbankan jiwa dan raga sebagai wira negara dengan penuh berani tanpa rasa takut dan kecut melawan para penjajah dan petualang bangsa.

Sesungguhnya, Islam memandang tinggi profesion ketenteraan bahkan meletakkan penghormatan yang sangat tinggi kepada mereka. Orang yang gugur di medan peperangan demi mempertahankan kesucian agama dan kedaulatan negara dikalungkan sebagai syuhada' dan ia merupakan penghargaan yang sangat tinggi dijanjikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* serta dijanjikan bermacam-macam keistimewaan sebagaimana hadis Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang diriwayatkan daripada al-Miqdam bin Ma'di Karib:

((لِلشَّهِيدِ عِنْدَ اللَّهِ سِتُّ خِصَالٍ يُعْفَرُ لَهُ فِي أَوَّلِ دَفْعَةٍ وَيَرَى مَقْعَدَهُ
مِنَ الْجَنَّةِ وَيُجَارُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَيَأْمَنُ مِنَ الْفَزَعِ الْأَكْبَرِ وَيُوضَعُ
عَلَى رَأْسِهِ تَاجُ الْوَقَارِ الْيَاقُوتَةُ مِنْهَا خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا وَيُزَوَّجُ
اِثْنَتَيْنِ وَسَبْعِينَ زَوْجَةً مِنَ الْحُورِ الْعِينِ وَيُشْفَعُ فِي سَبْعِينَ مِنْ أَقَارِبِهِ))
قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ

Maksudnya : Bagi orang yang mati syahid ada enam keistimewaan
yaitu diampuni dosanya sejak mulai darahnya meluncur keluar,
melihat tempatnya di dalam syurga, dilindungi dari azab kubur,
terjamin keamanannya dari malapetaka besar, dipakaikan atas
kepalanya mahkota yang satu permata daripadanya lebih baik
daripada dunia dan segala isinya, dinikahkan dengan tujuh puluh dua
bidadari dan diperkenankan memberikan syafa'at bagi 70 orang
kerabatnya)).

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi dan katanya hadis ini bertaraf hasan sahih
gharib)

Sambutan Hari Tentera Darat Ke-91 pada tahun ini yang bertemakan
'Gagasan Tentera Darat Dan Rakyat Kekal Siaga' menzahirkan
besarannya hasrat ke arah mewujudkan dan memperkukuhkan rasa
tanggungjawab dan kesiapsiagaan untuk mempertahankan
kedaulatan negara dalam kalangan semua rakyat Malaysia,
penggembengan tenaga antara Tentera Darat dan semua agensi
kerajaan mahupun swasta, bertunjangkan kekuatan kerohanian
kepada Allah *subhanahu wata'ala* .

Oleh itu, pada kesempatan ini, khatib ingin menyeru semua rakyat Malaysia agar terus sentiasa mendoakan dan menghargai segala jasa dan pengorbanan para perwira dan prajurit tentera darat yang telah meninggalkan perkhidmatan dan mereka yang telah pergi mendahului kita, kerana merekalah kita dapat meneruskan perjuangan yang telah dibina.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil pengajaran daripada apa yang telah disampaikan. antaranya ialah:

Pertama : Umat Islam wajblah meyakini bahawa mempertahankan agama dan negara agar terus kekal aman dan sejahtera adalah perintah daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua : Umat Islam hendaklah menghargai keamanan dan kesejahteraan negara ini dengan menjadi warga negara yang berdisiplin dan bertanggungjawab.

Ketiga : Umat Islam hendaklah sentiasa mendoakan agar perjuangan para pahlawan diterima oleh Allah *subhanahu wata'ala* dan dikurniakan dengan ganjaran yang berlipat kali ganda.

Keempat : Umat Islam adalah pejuang atau pahlawan dalam lingkungan dan cabaran masing-masing. Maka perbetulkanlah niat dan ikhlaskanlah diri dalam menghadapi cabaran akan datang.

Akhirnya, marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Ahzab, ayat 23 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ ۖ فَمِنْهُمْ مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُ ۖ
وَمِنْهُمْ مَّن يَنْتَظِرُ ۖ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا (٢٣)

Maksudnya: Di antara orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikanlah apa yang kita makan bukan setakat ianya bertanda halal dan seumpamanya bahkan pastikan juga sumbernya adalah halal agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, lindungilah dan selamatkanlah anak-anak, keluarga, dan saudara mara kami dari terjebak dengan penyalahgunaan dadah serta peliharalah masyarakat, negeri dan negara kami daripadanya.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit

dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.